

Advisers for the Court For Children: Recent Developments in the Child Justice System in Malaysia

Penasihat Untuk Mahkamah Bagi Kanak-kanak: Perkembangan Terkini dalam Sistem Keadilan Kanak-kanak di Malaysia

JAL ZABDI MOHD YUSOFF*, NUR EZAITIE NABIHAH MD EUSOFE,
ZULAZHAR TAHIR & SITI ZAHARAH JAMALUDDIN

Received: 16-10-2024/ Accepted: 19-5-2025

ABSTRACT

Children are an important group that needs care and protection. However, not all children undergo the same developmental process and may make mistakes. Punishment is not the best approach, as the law recognises their immaturity due to their young age. Thus, in determining the appropriate order based on the child's best interests, a separate system is established to handle cases involving this group. The Child Act 2001 outlines the role of court advisers in cases managed by the Court for Children. However, there are differences in the decisions of cases regarding whether the presence of court advisers during trials is mandatory or not. Therefore, this article examines whether the decisions in these cases align with the 'spirit' of the Child Act 2001, based on the objectives the Act seeks to achieve regarding court advisers. This article adopts a qualitative research method by examining relevant Acts, decided cases, and legal principles on the interpretation of legal principles, sentencing statutes, and secondary sources of the law. The findings of this study indicate that, to enable the court advisers to discharge their role effectively as stipulated in the Child Act 2001, their presence during the trial is mandatory. By attending the trials of child offenders, they will be able to give informed advice to the magistrate, in line with the principle of the child's best interest.

Keywords: Court For Children; court advisers; best interests of the child; immaturity and rehabilitation

ABSTRAK

Kanak-kanak adalah kumpulan penting yang memerlukan perhatian dan perlindungan. Walau bagaimanapun, tidak semua kanak-kanak melalui proses tumbesaran yang sama, dan mereka mungkin membuat kesilapan. Menghukum bukanlah pendekatan yang terbaik, kerana undang-undang mengakui ketidakmatangan mereka adalah disebabkan usia yang masih muda. Oleh yang demikian, dalam menentukan perintah yang dibuat bersesuaian dengan prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak, maka satu sistem yang berasingan telah diwujudkan bagi mengendalikan kes yang melibatkan golongan ini. Akta Kanak-Kanak 2001 telah memperuntukkan berkenaan peranan penasihat mahkamah untuk kes-kes yang dikendalikan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dalam keputusan-keputusan kes berkaitan sama ada kehadiran penasihat mahkamah dalam perbicaraan adalah mandatori atau pun sebaliknya. Oleh itu tujuan artikel ini adalah untuk mengkaji sama ada keputusan kes-kes ini menepati 'roh' Akta Kanak-Kanak 2001 berdasarkan kepada objektif yang ingin dicapai melalui Akta tersebut berkenaan penasihat mahkamah. Artikel ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif dengan mengkaji akta-akta yang relevan, keputusan-keputusan kes, prinsip-prinsip perundangan berkaitan tafsiran prinsip undang-undang dan statut, hukuman dan sumber kedua undang-undang. Hasil kajian mendapati bahawa untuk membolehkan penasihat mahkamah menjalankan peranan yang berkesan seperti yang dikehendaki oleh Akta Kanak-Kanak 2001 ini, kehadiran mereka semasa perbicaraan adalah wajib. Hanya dengan mengikuti proses perbicaraan berkaitan dengan pesalah kanak-kanak itu, penasihat mahkamah dapat memberikan nasihat termaklum kepada majistret, selaras dengan prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak.

Kata kunci: Mahkamah Bagi Kanak-Kanak; penasihat mahkamah; kepentingan terbaik kanak-kanak; ketidakmatangan dan pemulihan

PENGENALAN

Kanak-kanak yang terdiri daripada mereka yang berumur di bawah 18 tahun merupakan kumpulan yang diistimewakan dalam sesebuah negara. Mereka membentuk lebih daripada 25% daripada jumlah penduduk di Malaysia. Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, jumlah kanak-kanak di bawah umur 18 tahun pada 2023 dianggarkan 9.13 juta iaitu meliputi 27.4% daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia sebanyak 33.38 juta (Bernama, 2023). Mereka dijaga dan dilindungi, dipulihkan jika perlu dan terus dibimbing supaya menjadi warganegara yang berguna. Fakta juga menunjukkan bahawa mereka merupakan kumpulan yang belum matang dari segi pemikirannya. Ini menjadikan mereka berisiko untuk terdedah kepada pelbagai perkara negatif termasuk melakukan jenayah atau dimanipulasi oleh pihak lain untuk melakukan jenayah. Kanak-kanak yang terlibat atau melakukan jenayah dikenali sebagai pesalah kanak-kanak. Menurut mahkamah dalam kes *KN (A Child) & Anor v Public Prosecutor* [2021] MLJU 2145, kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah, memerlukan intervensi yang tidak bersifat menghukum semata-mata tetapi sebaiknya yang lebih berbentuk pemulihan. Justeru itu, terdapat pengasingan dalam sistem keadilan jenayah untuk kes kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang dan juga pesalah yang terdiri daripada orang dewasa. Perubahan demi perubahan telah dilakukan dalam sistem keadilan kanak-kanak bagi mengelak pelbagai stigma yang boleh dikaitkan dengan kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang. Ini termasuklah ‘hukuman’ yang lebih berorientasikan kepada pemulihan, sistem keadilan yang lebih ‘mesra kanak-kanak’ sehingga kepada penggunaan terminologi-terminologi khusus bagi pesalah kanak-kanak bagi mengelak stigma dan kesan negatif kepada mereka (Samuri 2013). Justeru itu, hukuman kepada pesalah kanak-kanak itu perlu dilihat sebagai peluang untuk memulihkan kanak-kanak tersebut dan bukannya untuk menghukum. Mahkamah dalam kes *Public Prosecutor v SAK (the child)* [2021] MLJU 1707 berpendapat pesalah kanak-kanak perlu diletakkan dalam persekitaran yang bukan sahaja menyokong perkembangan dan pembentukan peribadinya tetapi juga secara berkesan menangani dan mencegah sebarang kemungkinan tingkah laku jenayah yang akan berulang pada masa depan. Persekitaran tersebut harus menyediakan bimbingan, pendidikan, dan teladan positif untuk membantu kanak-kanak berkenaan mengubah kehidupannya.

Artikel ini dimulakan dengan membincangkan sistem keadilan kanak-kanak di Malaysia, dengan menyentuh pendekatan dan sejarah sistem keadilan kanak-kanak ini, bermula dengan Akta Mahkamah Juvana 1947 sebelum diganti dengan Akta Kanak-Kanak 2001. Perbincangan kemudiannya menyentuh pernyataan masalah yang menekankan kepentingan peranan yang dimainkan oleh Penasihat Mahkamah dalam sistem keadilan kanak-kanak. Walau bagaimanapun terdapat kekaburan sama ada kehadiran Penasihat Mahkamah di sepanjang perbicaraan adalah mandatori ataupun sebaliknya. Untuk menjawab persoalan ini, artikel ini akan mengupas dengan lebih mendalam berkaitan dengan peranan Penasihat Mahkamah, melihat kepada peruntukan undang-undang yang relevan dengannya berserta hujah-hujah tafsiran perundangan berkaitan dengan persoalan ini. Artikel ini akan diakhiri dengan penegasan bahawa berdasarkan kepada ‘roh’ Akta Kanak-Kanak 2001, kehadiran Penasihat Mahkamah di sepanjang perbicaraan adalah wajib bagi membolehkan mereka melaksanakan fungsi dan peranan dengan efektif.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif, yang menggabungkan penyelidikan perpustakaan dan analisis kandungan untuk mengumpul data. Menurut Creswell dan Creswell (2018), penyelidikan kualitatif amat sesuai untuk meneroka dan menafsirkan makna berkaitan dengan isu sosial, kerana ia membolehkan penyelidik memahami pandangan yang lebih mendalam daripada mereka yang terlibat. Dalam penyelidikan ini, kaedah kualitatif dipilih untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam dan komprehensif terhadap bahan-bahan yang kompleks, seperti statut-statut, laporan kes yang diputuskan oleh mahkamah, jurnal akademik serta buku-buku yang relevan dengan subjek yang dibincangkan (Bowen, 2009). Justeru, artikel ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif berbentuk doktrinal dengan mengkaji akta-akta yang relevan, keputusan-keputusan kes, prinsip-prinsip perundangan berkaitan tafsiran, keputusan dan perintah mahkamah, dan sumber sekunder undang-undang. Pendekatan ini membolehkan pengumpulan dan analisis maklumat yang berterusan dan menyeluruh untuk memahami aspek perundangan yang lebih mendalam, termasuk kerelevanan prinsip undang-undang yang digunakan, tafsiran undang-undang, dan bagaimana ia dilaksanakan dalam situasi yang melibatkan kanak-kanak. Selain itu, kajian juga dilakukan dengan memberi tumpuan khusus kepada perundangan yang berkaitan dengan hak kanak-kanak dan peranan penasihat mahkamah seperti yang dikehendaki oleh Akta Kanak-Kanak 2001. Ini termasuk pemahaman yang mendalam mengenai peruntukan-peruntukan dalam akta tersebut, serta amalan terbaik dalam tafsiran undang-undang yang melibatkan penasihat mahkamah dan kanak-kanak sebagai pihak yang terlibat.

PENDEKATAN SISTEM KEADILAN KANAK-KANAK

Usaha untuk memperjuangkan hak kanak-kanak bukan satu perkara baru sama ada di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa. Ia telah bermula seawal tahun 1924 lagi dengan Liga Negara-Negara (*League of Nation*) telah menerima pakai *Geneva Declaration on the Rights of the Child* (UNICEF. n.d.). Menyedari hakikat cara kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang dikendalikan pada waktu itu, yang mana mereka akan melalui proses yang sama dengan pesalah dewasa, telah menggerakkan inisiatif untuk mewujudkan sistem keadilan kanak-kanak yang khusus. Dengan mempunyai satu sistem yang khas, maka usaha lebih berfokus dapat dilaksanakan untuk mengelak pesalah kanak-kanak ini daripada mengulangi perbuatan mereka dan pada masa yang sama, mereka boleh menjalani proses pemulihan dengan lebih baik.

Menurut Intan Nooraini Haji Zainol et al. (2024), kesan daripada kewujudan sistem khas bagi pesalah kanak-kanak ini, pelbagai polisi telah digubal seperti menggunakan penilaian risiko, penekanan kepada prinsip *deinstitutionalisation* dan sebagainya yang menjadi prinsip asas utama dalam sistem keadilan kanak-kanak. Literatur awal berkaitan dengan sistem keadilan kanak-kanak ini menunjukkan bahawa fokus utamanya adalah kepada prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak tersebut. Prinsip ini memerlukan mahkamah untuk menimbang keperluan kanak-kanak itu secara holistik, bukan hanya untuk pada masa sekarang tetapi juga apa yang terbaik untuknya pada masa hadapan. Prinsip ini merupakan antara asas utama kepada pembentukan sistem keadilan jenayah kanak-kanak di kebanyakan negara yang mengasingkan pesalah dewasa dan pesalah kanak-kanak yang juga merupakan komponen penting di bawah Artikel 37(c) Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (KHKK). Menyedari hakikat terdapat keperluan untuk menyediakan kerangka perlindungan kepada kanak-kanak di seluruh dunia, maka Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak atau Convention on the Rights of the Child (KHKK) telah diperkenalkan pada 20 November

1989 (Resolusi Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu 44/25). Apa yang penting ialah KHKK telah menetapkan standard minimum bagi melindungi hak kanak-kanak dan Malaysia telah meratifikasi Konvensyen tersebut pada 17 Februari 1995. Artikel 3(1) KHKK menetapkan bahawa:

Dalam segala tindakan berkenaan dengan kanak-kanak sama ada yang diakujanji oleh institusi kebajikan masyarakat awam atau swasta, mahkamah, pihak berkuasa pentadbiran atau badan perundangan, **kepentingan terbaik kanak-kanak** itu hendaklah menjadi pertimbangan utama. (Penekanan Dibuat)

Pada amnya, dalam kes jenayah, mahkamah akan menjatuhkan hukuman berpandukan kepada beberapa prinsip hukuman termasuklah pembalasan, mematahkan keupayaan, pencegahan dan juga pemulihan (*R v James Henry Sargeant* [1974] 60 Cr. App. R. 74). Namun bagi kes yang melibatkan kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang, pertimbangan utama adalah pemulihan kanak-kanak tersebut. Pada masa yang sama, mahkamah dalam kes *Nor Afizal bin Azizan v Public Prosecutor* [2012] 6 MLJ 171 berpendapat bahawa pesalah kanak-kanak juga seboleh mungkin tidak diperintahkan ke penjara sekiranya terdapat perintah lain yang bersesuaian yang boleh dijatuhkan. Sungguhpun demikian, mahkamah dalam kes *Public Prosecutor v SAK (the child)* [2021] MLJU 1707, menyatakan bahawa bukan menjadi objektif utama sistem keadilan jenayah kanak-kanak untuk memberikan perintah yang ringan kepada pesalah kanak-kanak tetapi sebaliknya ia mementingkan kepentingan terbaik kanak-kanak tersebut. Manakala mahkamah dalam kes *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256 pula menyatakan bahawa kepentingan terbaik untuk kanak-kanak ini juga perlu diseimbangkan dengan prinsip kepentingan awam kerana masyarakat ingin melihat pesalah kanak-kanak ini dihukum bagi kesalahan yang mereka lakukan. Hukuman ini juga berperanan dalam memulihkan pesalah kanak-kanak serta memberikan mereka kesedaran akan kesalahan yang telah dilakukan. Justeru itu, dalam kes-kes yang melibatkan pesalah kanak-kanak, hal yang berkaitan dengan kebajikan, kepentingan terbaik kanak-kanak dan prinsip kepentingan awam akan menjadi pertimbangan utama Mahkamah Bagi Kanak-kanak dalam menilai bentuk perintah yang sesuai.

SEJARAH SISTEM KEADILAN KANAK-KANAK DI MALAYSIA

Dari sudut sejarahnya, sistem keadilan kanak-kanak di Malaysia telah melalui proses yang panjang serta perubahan agar selari dengan perkembangan semasa. Menurut Norbani Mohamed Nazeri (2007), fokus kebajikan dalam pengendalian kes-kes yang melibat kanak-kanak boleh dilihat seawal tahun 1946 apabila kerajaan British mencadangkan satu akta yang berasingan untuk mengendalikan kanak-kanak delinkuen. Justeru, Akta Mahkamah Juvana 1947 telah diperkenalkan dan dikuatkuasa di Semenanjung Malaysia pada 1 Disember 1949; 1 Oktober 1972 di Sabah dan 6 Februari 1976 di Sarawak. Menurut Lee Bee Phang dan Rajah Rasiyah (2014), Akta Mahkamah Juvana 1947 ini adalah berdasarkan kepada tiga anggapan, iaitu yang pertama, adalah lebih mudah untuk memulihkan mereka yang melakukan kesalahan ini pada usia yang lebih muda. Anggapan yang kedua pula adalah menempatkan orang muda ke dalam penjara dengan banduan dewasa mungkin akan meninggalkan stigma dan trauma yang berpanjangan yang akan menjejaskan emosi mereka untuk selamanya. Akhir sekali, anggapan bahawa tujuan utama Mahkamah Juvana adalah untuk melindungi kanak-kanak daripada terlibat dengan jenayah dan bukan sekadar untuk mendakwa atau menghukum. Oleh yang demikian, kewujudan mahkamah

husus bagi mengendalikan kes yang melibatkan pesalah kanak-kanak ini adalah sangat sesuai dan relevan.

SISTEM KEADILAN KANAK-KANAK DI MALAYSIA

Mahkamah Juvana telah ditubuhkan bagi mendengar kes-kes jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak. Perkara ini dapat dilihat melalui seksyen 4(1) dan (2) Akta Mahkamah Juvana 1947 yang antara lain menyebut:

(1) Courts constituted in accordance with this Act and sitting for the purpose of hearing any charge against a juvenile or for the purpose of exercising any other jurisdiction now or hereafter to be conferred on Juvenile Courts by or under this Act or by any other written law shall be known as Juvenile Courts.

(2) A Juvenile Court shall consist of a Magistrate of the First Class who, in the exercise of his functions as a Juvenile Court, shall be assisted by two advisers chosen from a panel of persons resident in the Federal Territory or the State, as the case may be, nominated by the Minister or the State Authority respectively. One of the two advisers shall, if practicable, be a woman.

Walaupun bagaimanapun, setelah 54 tahun Akta Mahkamah Juvana 1947 ini dikuatkuasakan, maka pada tahun 2001, Akta Kanak-Kanak 2001 telah diperkenalkan bagi menggantikan Akta Mahkamah Juvana 1947. Ia juga telah memansuhkan dua lagi akta yang lain iaitu Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 (seksyen 130 Akta Kanak-Kanak 2001). Akta Kanak-Kanak 2001 ini juga telah menggabungkan undang-undang berkaitan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak. Oleh yang demikian, Akta Kanak-Kanak 2001 adalah suatu akta yang menyeluruh dalam aspek pengurusan isu berkaitan kanak-kanak di Malaysia. Akta Kanak-Kanak 2001 juga telah memperuntukkan penubuhan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak bagi menggantikan Mahkamah Juvana. Dalam hal ini, komponen mahkamah yang terdapat dalam Akta Mahkamah Juvana 1947 juga telah dimasukkan ke dalam Akta Kanak-Kanak 2001. Mahkamah Bagi Kanak-Kanak ditubuhkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 adalah untuk mendengar kes-kes berkaitan dengan kanak-kanak. Ini termasuk kes-kes yang melibatkan pesalah kanak-kanak kecuali kes yang boleh dihukum dengan hukuman mati. Dalam hal ini, menurut Norazla Abd Wahab et al. (2020), Mahkamah Bagi Kanak-Kanak diiktiraf sebagai *parens patriae* dalam menjamin keselamatan dan memberikan perlindungan yang sesuai kepada pesalah kanak-kanak. Seksyen 11(1) Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan:

- (1) Mahkamah yang ditubuhkan mengikut Akta ini dan bersidang bagi maksud---
 - (a) mendengar, memutuskan atau membereskan apa-apa pertuduhan terhadap seseorang kanak-kanak; atau
 - (b) menjalankan apa-apa bidang kuasa lain yang diberikan atau yang akan diberikan kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak oleh atau di bawah Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain, hendaklah dikenali sebagai "Mahkamah Bagi Kanak-Kanak".
- (2) Mahkamah Bagi Kanak-Kanak hendaklah terdiri daripada seorang Majistret yang, pada menjalankan fungsi-fungsinya sebagai suatu Mahkamah Bagi Kanak-Kanak kecuali apabila membuat sesuatu perintah di bawah subseksyen 39(4), 42(4), 84(3) atau 86(1), mengikut kehendak keadaan, hendaklah dibantu oleh dua orang penasihat yang hendaklah dilantik oleh Menteri daripada suatu panel yang bermastautin di Negeri itu.
- (3) Seorang daripada dua orang penasihat yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah seorang wanita.

Berdasarkan kepada seksyen 11 Akta Kanak-Kanak 2001, bidang kuasa, komponen mahkamah serta peranan penasihat mahkamah telah dinyatakan dengan jelas berbanding peruntukan yang ada di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947. Apabila bersidang, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak akan diadili oleh seorang Majistret yang dibantu oleh dua orang Penasihat Mahkamah (Seksyen 11(2) Akta Kanak-Kanak 2001). Salah seorang daripada Penasihat Mahkamah hendaklah seorang wanita (Seksyen 11(3) Akta Kanak-Kanak 2001). Kepentingan penasihat wanita terletak pada perbezaan sifat semula jadi antara lelaki dan wanita, di samping naluri keibuan yang membantu mereka lebih peka terhadap kebajikan, emosi, dan perasaan kanak-kanak, khususnya yang terlibat dalam jenayah (Nur Ezaitie et al., 2023).

Fungsi utama penasihat mahkamah ini adalah untuk memberikan maklumat dan nasihat kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mengenai sebarang pertimbangan yang berkaitan dengan perintah yang akan diberikan kepada pesalah kanak-kanak dan memberi nasihat kepada ibu bapa atau penjaga kanak-kanak berkenaan, jika perlu (Seksyen 11(4) Akta Kanak-Kanak 2001). Dalam hal ini, seksyen 90(17) dan (18) Akta Kanak-Kanak 2001 telah mewajibkan mahkamah untuk memastikan bahawa setiap pendapat penasihat mahkamah ini direkodkan, dan semua pendapat tersebut mesti dicatat. Walaupun mahkamah tidak terikat untuk mengikuti pendapat penasihat mahkamah, seksyen 90(18) Akta Kanak-Kanak 2001 telah mewajibkan mahkamah untuk merekodkan alasan-alasan jika tidak bersetuju dengan pendapat yang diberikan oleh penasihat mahkamah tersebut.

Kewujudan penasihat mahkamah dalam Mahkamah Bagi Kanak-Kanak bukanlah perkara yang baru. Sejak Ordinan Mahkamah Juvana diperkenalkan pada tahun 1946, kebanyakan kes telah memutuskan bahawa penasihat mahkamah memainkan peranan yang penting dalam perbicaraan yang melibatkan pesalah kanak-kanak. Seperti contoh, mahkamah dalam kes *Public Prosecutor v Ayasamy* [1955] 1 MLJ 64 telah memutuskan bahawa prosiding Mahkamah Juvana tanpa kehadiran penasihat mahkamah akan menyebabkan perbicaraan berkenaan menjadi tidak sah. Namun begitu, perkembangan terkini menampakkan terdapat sedikit perubahan di mana dalam kes *Pendakwa Raya v MAHR dan satu lagi* [2023] MLJU 3019, Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa kehadiran penasihat mahkamah dalam perbicaraan di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak bukan satu peruntukan yang mandatori. Hal ini sudah pasti mengundang kepada ketidakpastian mengenai peranan penasihat mahkamah dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak sedia ada. Justeru dalam artikel ini, para penulis akan membincangkan tujuan penasihat mahkamah diperkenalkan, peranan mereka dalam kes yang melibatkan kanak-kanak serta implikasi ketiadaan mereka dalam prosiding di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak.

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, peranan penasihat mahkamah untuk memberi nasihat kepada mahkamah merupakan sesuatu yang penting. Namun begitu, untuk melaksanakan amanah yang diberikan dengan baik, maka penasihat mahkamah itu perlu mempunyai pengetahuan dan maklumat yang secukupnya sebelum mereka dapat menasihati mahkamah berkenaan kanak-kanak. Informasi ini boleh diperolehi sekiranya, penasihat mahkamah hadir daripada awal perbicaraan dijalankan dan bukannya hanya hadir sebelum mahkamah membuat sebarang perintah terhadap kanak-kanak. Oleh yang demikian, kehadiran penasihat mahkamah sepanjang prosiding perbicaraan adalah mandatori. Hal ini telah diterangkan dalam kes *Public Prosecutor v Ayasamy* [1955] 21 MLJ 64. Walau bagaimanapun, Mahkamah Tinggi dalam satu kes terbaru yang lain

iaitu *Pendakwa Raya v MAHR dan satu lagi* [2023] MLJU 3019 (Kes *MAHR*) mempunyai pandangan yang berbeza. Fakta kes *MAHR* menunjukkan bahawa pesalah kanak-kanak berkenaan telah dituduh dengan kesalahan merogol di bawah seksyen 376(1) Kanun Keseksaan (Kes 10). Beliau tidak mengaku salah dan mohon untuk dibicarakan. Perbicaraan di hadapan majistret Mahkamah Bagi Kanak-Kanak telah dijalankan dengan memanggil empat orang saksi untuk memberikan keterangan. Majistret berkenaan kemudiannya telah ditukarkan dan digantikan dengan majistret yang baru. Majistret baru menyedari perbicaraan yang berlangsung sebelum ini dijalankan tanpa kehadiran dua (2) orang penasihat mahkamah. Beliau kemudiannya menangguhkan prosiding dan telah membawa isu ini kepada perhatian Mahkamah Tinggi Johor Bahru. Mahkamah Tinggi telah memanggil rekod prosiding bagi tujuan semakan di bawah seksyen 323(1) Kanun Tatacara Jenayah [KTJ]. Di samping itu, terdapat Kes 20 yang melibatkan seorang pesalah kanak-kanak iaitu MBHA yang turut dipanggil oleh Mahkamah Tinggi untuk semakan bagi menentukan keesahan prosiding atau perintah yang dibuat oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak sebelum ini. Perkara yang sama berlaku, yakni perbicaraan dijalankan tanpa kehadiran penasihat mahkamah. Isu di hadapan Mahkamah Tinggi ialah adakah kehadiran penasihat mahkamah mandatori?

Timbalan Pendakwa Raya (TPR) telah menghujahkan bahawa kehadiran dua (2) orang penasihat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 11(2) Akta Kanak-Kanak 2001 bukan mandatori. Perkataan “*shall*” yang diperuntukkan di bawah seksyen 11(2) Akta Kanak-Kanak 2001 perlu dilihat dalam konteks peranan atau tugas-tugas penasihat mahkamah secara menyeluruh. TPR menghujahkan bahawa kehadiran penasihat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak tidak diperlukan sepanjang perbicaraan memandangkan peranannya hanya bermula apabila mahkamah telah memutuskan penemuan bersalah terhadap pesalah kanak-kanak. Selanjutnya Mahkamah Bagi Kanak-Kanak akan menentukan bentuk perintah yang akan dikeluarkan terhadap pesalah kanak-kanak berkenaan. TPR telah menyimpulkan hujahnya iaitu perbicaraan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak untuk Kes 10 dan Kes 20 walaupun tanpa kehadiran dua (2) orang penasihat tidak menyebabkan perbicaraan tidak sah. Kemudiannya, mahkamah telah berpendapat bahawa kehadiran penasihat mahkamah sepanjang prosiding perbicaraan bukanlah mandatori. Sebaliknya, kehadiran penasihat mahkamah hanyalah mandatori setelah mahkamah membuat dapatan salah iaitu sebelum mahkamah membuat perintah terhadap pesalah kanak-kanak yang berkenaan. Dalam hal ini, Mahkamah Tinggi telah memutuskan di perenggan [47] bahawa:

Setelah mengamati pandangan kedua yang di atas, Mahkamah ini berpendapat keputusan Ayasamy [supra] dan nas duluan yang memutuskan kehadiran dua (2) orang penasihat mandatori dan kesannya prosiding tidak sah perlu dilihat semula dalam persepsi yang baru. Mahkamah ini mengambil pendekatan yang lebih praktikal dalam memberi tafsiran peruntukan s. 11 (2) Akta itu. Mahkamah ini berpendapat kehadiran dua (2) orang penasihat semasa perbicaraan berlangsung di hadapan MBKK tidak mandatori. Sebaik MBKK membuat penemuan di bawah s. 90 (18)(a) atau (b) Akta itu, sebelum Perintah di bawah s. 91(1)(a) hingga (h) Akta itu dikeluarkan, kehadiran dua (2) orang penasihat mandatori.

Keputusan Mahkamah Tinggi dalam Kes *MAHR* ini dilihat membuka satu tafsiran baru kepada peranan penasihat mahkamah. Pada masa yang sama, keputusan ini dilihat berbeza dengan beberapa keputusan Mahkamah Tinggi yang lain. Sebagai contohnya, kes *Public Prosecutor v Ayasamy* [1955] 21 MLJ 64, *Pendakwa Raya v Mohd Zairul Iman Zainon* [2014] 1 LNS 610, *Pendakwa Raya v Muhamad Fikri bin Mahmood* [2018] MLJU 578, dan *Pendakwa Raya lwn MFM* [2023] MLJU 1661. Kes *Public Prosecutor v Mohamed Zairi Bin Abu Bakar & Anor* [1986]

2 MLJ 308, yang berpendapat bahawa kehadiran penasihat mahkamah di sepanjang perbicaraan adalah mandatori. Menurut mahkamah, dalam hal yang melibatkan kanak-kanak ini termasuklah menempatkan mereka di institusi memerlukan pertimbangan yang serius oleh majistret terutama yang masih muda. Ini kerana mereka mungkin menghadapi kesukaran tanpa bantuan penasihat mahkamah. Berdasarkan kepada kes *Public Prosecutor v Ayasamy* [1955] 1 MLJ 64, mahkamah dalam penghakimannya, dengan jelas menyatakan bahawa tugas penasihat mahkamah adalah untuk berada di sepanjang perbicaraan dan bukannya hanya selepas mahkamah membuat dapatan salah. Menurut Yang Arif Hakim Briggs:

Although the active functions of the advisers only begin after the accused is found guilty, and so becomes liable to punishment or other treatment, they have other passive functions at earlier stages of the proceedings. It is in my view necessary for them to be present during the hearing in order that they should have a full and complete view of the circumstances of the case, since without this they would not be able properly to advise on punishment. I think also that to give the power of advising on punishment or treatment to an adviser who had not heard the whole of the proceedings would be a clear breach of the principle that justice must be seen to be done. I am of opinion, therefore, that it is not competent in law for a President to sit as a Juvenile Court for purposes of conducting a trial, unless he has the assistance of two advisers throughout the proceedings.

Perbezaan pentafsiran yang wujud dalam isu kehadiran penasihat mahkamah di sepanjang prosiding Mahkamah Bagi Kanak-Kanak ini boleh diselesaikan dengan melihat kepada objektif yang ingin dicapai oleh Akta Kanak-Kanak 2001. Ini kerana sekiranya tafsiran kepada seksyen 11(2) Akta Kanak-Kanak 2001 ini seperti yang dinyatakan dalam Kes *MAHR*, maka terdapat kebarangkalian penasihat mahkamah tidak dapat memainkan peranan mereka dengan lebih efektif untuk membantu majistret dalam menentukan perintah yang bersesuaian terhadap kanak-kanak yang telah didapati bersalah itu.

Dalam hal ini, literatur yang membincangkan secara khusus berkenaan tugas dan peranan penasihat mahkamah adalah sangat sedikit apatah lagi yang mengupas isu mengenai kehadiran penasihat mahkamah semasa prosiding berlangsung. Nur Ezaitie et al. (2023) membincangkan secara umum mengenai peranan penasihat mahkamah di Malaysia. Wahab, Abd Salam dan Dahlan (2021) turut membincangkan secara umum peranan penasihat mahkamah dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak di Malaysia. Selain itu, Saibaba (2012) juga membincangkan isu berkenaan penasihat mahkamah di kedua-dua buah negara iaitu India dan Singapura. Walau bagaimanapun, peruntukan undang-undang di kedua-dua negara agak berbeza dengan Malaysia yang mana di Singapura, ia tidak mewajibkan kehadiran penasihat mahkamah sebelum mahkamah membuat keputusan. Manakala di India pula, ia tidak mewajibkan kehadiran kedua-dua orang *social worker* bagi membantu majistret dalam membuat keputusan akhir, sebaliknya cukup hanya dengan kehadiran sekurang-kurangnya salah seorang daripada mereka. Kes *MAHR* sebagaimana yang dinyatakan seperti di atas telah membuka ruang kepada satu interpretasi berbeza berkenaan peranan penasihat mahkamah di Malaysia. Tambahan pula, tiada kajian lepas yang membincangkan implikasi kes baru ini atau memfokuskan kepada aspek '*informed decision*' oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dalam membuat keputusannya. Kelompangan perbincangan isu tersebut akan diberi perhatian oleh para penulis dalam perbincangan artikel ini.

Namun begitu, dalam artikel ini, para penulis tidak akan membincangkan isu *stare decisis* yang mana merupakan isu undang-undang berkenaan prinsip duluan mengikat. Sebaliknya, para penulis akan memfokuskan kepada alasan kenapa kehadiran penasihat mahkamah adalah perlu di

sepanjang kes berdasarkan kepada keputusan-keputusan kes yang dianalisa. Hal ini adalah perlu supaya isu kehadiran penasihat mahkamah ini dalam prosiding mahkamah dapat dirasionalkan.

PENASIHAT MAHKAMAH DI MALAYSIA

Berdasarkan kepada peruntukan dalam Akta Kanak-Kanak 2001, terdapat tiga pihak utama yang terlibat dalam proses menentukan perintah yang bersesuaian kepada seseorang kanak-kanak selepas Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mendapati kanak-kanak yang berkenaan bersalah atas pertuduhan yang dikenakan. Pihak pertama adalah pegawai akhlak, di mana beliau ditugaskan untuk menyediakan Laporan Akhlak yang turut mengandungi syor untuk menguruskan kanak-kanak berkenaan (seksyen 90(13) Akta Kanak-Kanak 2001). Pihak kedua iaitu penasihat mahkamah, akan diminta memberikan nasihat kepada majistret di akhir perbicaraan berkenaan perintah yang bersesuaian dengan kes mengambil kira latar belakang pesalah kanak-kanak tersebut. Laporan akhlak juga akan menjadi rujukan penasihat mahkamah dalam memberikan nasihat berkenaan. Dalam hal ini, pegawai akhlak akan berjumpa dengan pelbagai pihak bagi tujuan penyediaan laporan akhlak tersebut. Namun begitu, sekiranya penasihat mahkamah tidak hadir sepanjang prosiding kes berkenaan, mereka hanya akan bergantung kepada laporan akhlak yang disediakan. Nasihat yang diberikan oleh penasihat mahkamah berdasarkan kepada laporan akhlak semata-mata tidak mampu untuk mencapai objektif peranan penasihat mahkamah tersebut. Seterusnya, dalam keadaan tersebut, penasihat mahkamah dikhuatiri tidak akan dapat memberikan nasihat yang sewajarnya kepada majistret. Pihak ketiga adalah majistret yang akan menentukan jenis perintah yang akan dikenakan terhadap pesalah kanak-kanak berkenaan dan proses ini akan dilakukan setelah mendapatkan input menerusi laporan akhlak dan juga nasihat dari penasihat mahkamah.

Seksyen 11(2) Akta Kanak-Kanak 2001 telah menetapkan bahawa penasihat mahkamah hendaklah dilantik oleh Menteri daripada suatu panel yang bermastautin di sesebuah negeri. Menurut Nur Ezaitie, et al. (2023), pelantikan penasihat mahkamah dalam kalangan pemastautin adalah lebih sesuai kerana selain akan bertugas di negeri masing-masing, mereka juga mempunyai pengetahuan yang lebih baik berkenaan isu-isu setempat seterusnya membantu mereka dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan. Ini kerana mereka bukan sahaja lebih memahami perkara yang berlaku di sekeliling kawasan mereka, malah mereka boleh memberikan input yang lebih bermakna semasa menasihati majistret demi kepentingan terbaik kanak-kanak tersebut. Pada masa yang sama, mereka juga perlu mempunyai pengalaman bekerja dengan kanak-kanak memandangkan mereka akan berdepan kes-kes yang melibatkan kumpulan ini. Antara mereka yang dilantik sebagai penasihat mahkamah adalah individu yang aktif dalam kerja-kerja sosial (seperti pertubuhan bukan kerajaan) dan bekas pesara agensi kerajaan seperti bekas Pegawai Kebajikan Masyarakat, bekas guru dan bekas pegawai polis. Pendapat ini juga disokong oleh Farah Nini Dusuki (2007), yang menyatakan penasihat mahkamah dilantik dalam kalangan mereka yang mempunyai kredibiliti dan pengalaman yang luas dalam mengendalikan kanak-kanak seperti bekas Pegawai Kebajikan Masyarakat, pegawai polis, doktor, aktivis masyarakat, pesara guru dan lain-lain lagi. Di samping itu, terdapat juga syarat-syarat lain yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat termasuk umur pemohon dalam lingkungan 40 hingga 75 tahun. Syarat-syarat yang ditetapkan ini bertujuan untuk mendapatkan penasihat mahkamah yang berpengalaman bagi membantu majistret dalam membuat perintah yang bersesuaian. Walau bagaimanapun, bagi membolehkan pemohon dilantik sebagai penasihat mahkamah, mereka perlu

mendapatkan sokongan daripada majistret Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dan juga Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah. Menurut Norazla Abdul Wahab et al. (2021), terdapat ruangan dalam borang permohonan sebagai penasihat mahkamah yang memerlukan sokongan daripada majistret Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dan juga Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah. Pemohon yang layak dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat akan disokong untuk dilantik sebagai penasihat mahkamah (Nur Ezaitie et al, 2023).

PERBINCANGAN

Di bahagian ini, para penulis akan membincangkan isu kepentingan kehadiran penasihat mahkamah di sepanjang prosiding perbicaraan dari pelbagai aspek. Hal ini adalah untuk melihat kepentingan kehadiran penasihat mahkamah sepanjang prosiding bagi membolehkan mereka menjalankan tugas dengan lebih efektif selaras dengan peranan mereka seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Peranan mereka adalah penting bagi menasihati majistret berkenaan perintah yang sesuai kepada seseorang pesalah kanak-kanak demi keadilan bukan sahaja kepada pesalah kanak-kanak tetapi juga kepada pihak-pihak lain yang terkesan dengan jenayah yang berlaku.

NASIHAT TERMAKLUM (*INFORMED ADVICE*)

Seksyen 90 Akta Kanak-Kanak 2001 merupakan tatacara yang perlu diikuti dalam kes yang melibatkan kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang. Seksyen 90(17) Akta Kanak-Kanak 2001 adalah mandatori kerana ia menetapkan bahawa mahkamah hendaklah mendapatkan pendapat daripada penasihat mahkamah sebelum membuat apa-apa keputusan mengenai perintah yang sesuai. Seksyen 90(17) dan (18) Akta Kanak-Kanak 2001 ini adalah peruntukan yang jelas berkenaan tanggungjawab mahkamah untuk mendapatkan pendapat penasihat mahkamah sebelum membuat sebarang keputusan berkenaan perintah yang hendak diberikan. Peruntukan ini adalah penting bagi memastikan majistret mengambil kira pertimbangan daripada komponen-komponen lain dalam Mahkamah Bagi Kanak-Kanak terutamanya penasihat mahkamah. Oleh yang demikian, adalah penting untuk mendapatkan penasihat mahkamah yang berkeelayakan supaya mereka dapat menjalankan peranan dengan lebih efektif. Walau bagaimanapun, majistret bebas untuk bersetuju atau pun sebaliknya dengan pendapat yang diberikan oleh penasihat mahkamah. Sungguhpun majistret tidak terikat dengan nasihat yang diberikan, ini tidak bermakna majistret boleh mengetepikan begitu sahaja pendapat yang diberikan oleh penasihat mahkamah apatah lagi menolak kehadiran penasihat mahkamah. Dalam konteks ini, pendapat yang diutarakan oleh Hakim Briggs dalam kes *Ayasamy* yang mana mahkamah berpendapat prosiding tanpa kehadiran penasihat mahkamah adalah '*a clear breach of the principle that justice must be seen to be done*' merupakan suatu keputusan yang mempunyai asas yang kuat dan kukuh. Pada masa yang sama, akan timbul isu bagaimana penasihat mahkamah ini boleh memberi '*informed advice*' kepada majistret sekiranya mereka hanya hadir sebelum majistret membuat perintah? Sekiranya ini berlaku, maka penasihat mahkamah hanya bergantung kepada laporan akhlak yang disediakan oleh pegawai akhlak semata-mata sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen 90(12) dan (13) Akta Kanak-Kanak 2001. Dalam keadaan ini, penasihat mahkamah tidak akan mempunyai masa yang mencukupi untuk membuat pertimbangan sewajarnya sebelum memberikan nasihat yang bersesuaian kepada majistret mengenai perintah yang perlu diberikan dalam sesuatu kes tersebut.

Sekiranya nasihat tersebut hanya bergantung kepada laporan akhlak semata-mata, maka ia bukanlah satu nasihat yang menyeluruh dan seterusnya ini akan menjejaskan kepentingan terbaik kanak-kanak tersebut. Oleh itu, adalah penting bagi penasihat mahkamah untuk hadir sepanjang prosiding mahkamah dan bukannya setelah dapatan bersalah dibuat.

Sementara itu, dalam kes *Pendakwa Raya lwn Muhamad Fikri bin Mahmood* [2018] MLJU 578, semasa pendengaran rayuan, isu awal yang dibangkitkan adalah sama ada responden telah dihadapkan ke Mahkamah Bagi Kanak-Kanak yang telah dibentuk dengan sempurna. Menurut mahkamah, berdasarkan kepada nota keterangan kes tersebut, tiada rekod yang menunjukkan kehadiran penasihat mahkamah semasa hakim bicara bersidang kecuali pada hari perintah itu dibuat iaitu pada 29 November 2017. Di samping itu, nama penasihat-penasihat mahkamah juga tidak dinyatakan untuk dipastikan salah seorang daripada penasihat mahkamah tersebut adalah wanita sebagaimana kehendak seksyen 11(3) Akta Kanak-Kanak 2001. Nota keterangan hanya merekodkan penasihat-penasihat mahkamah sebagai “penasihat 1” dan “penasihat 2” semasa membuat syor bersabit hukuman. Hakim juga telah bertanya kepada TPR tentang pandangan beliau berkaitan dengan kehadiran penasihat mahkamah pada hari perintah dibuat oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Menurut TPR, adalah menjadi amalan, penasihat mahkamah dipanggil pada hari perintah dibuat dan ada kalanya, penasihat mahkamah juga tidak hadir semasa perbicaraan. Menurut mahkamah lagi, peruntukan undang-undang adalah jelas bahawa komposisi Mahkamah Bagi Kanak-Kanak hendaklah terdiri daripada majistret dan dibantu oleh penasihat mahkamah. Oleh itu, majistret yang bertindak seorang diri tidak membentuk Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dan perintah yang dibuat adalah tidak sah dan tidak boleh dipulihkan kemudiannya.

Berdasarkan kepada kes ini, jelas menunjukkan bahawa telah menjadi amalan di sesetengah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak untuk mempraktikkan amalan bahawa penasihat mahkamah hanya dipanggil setelah dapatan bersalah diputuskan, iaitu pada hari perintah dibuat. Malahan, kehadiran seorang penasihat wanita juga gagal untuk diberi perhatian yang serius. Dalam hal ini, mahkamah dalam kes *Pendakwa Raya v MFM dan lain-lain* [2023] MLJU 1661 menyatakan berdasarkan kepada peruntukan mengenai tatacara Mahkamah Bagi Kanak-Kanak adalah jelas mahkamah perlu teliti, berhati-hati serta mengambil kira laporan akhlak dan nasihat yang diberikan oleh penasihat mahkamah supaya kanak-kanak berkenaan diadili sesuai dengan keupayaan mental, emosi dan umur muda mereka. Mahkamah dalam kes *MFM* ini juga menekankan kepentingan perbicaraan di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dikendalikan dengan berhati-hati dan menitikberatkan prosedur yang ditetapkan serta mengelak menganggap prosiding berkenaan sesuatu yang rutin. Menurut mahkamah lagi, sebarang kekhilafan dalam perintah yang buat oleh Mahkamah akan menggelapkan masa depan pesalah kanak-kanak tersebut dan secara tidak langsung akan melahirkan warganegara yang tidak menghormati undang-undang pada masa hadapan.

PERUNTUKAN YANG TIDAK JELAS BERKENAAN KEHADIRAN PENASIHAT MAHKAMAH DI SEPANJANG PROSIDING

Penentuan bila Mahkamah Bagi Kanak-Kanak telah dibentuk secara sah adalah penting kerana menurut mahkamah dalam kes *Public Prosecutor v Ayasamy* [1955] 1 MLJ 64, ia akan menentukan sama ada mahkamah mempunyai kuasa untuk mendengar kes yang berkenaan atau sebaliknya. Pada masa yang sama, mahkamah yang dibentuk secara sah sewajarnya dapat membantu objektif penubuhan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu sendiri. Ini kerana setiap komponen Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mempunyai peranan masing-masing termasuklah penasihat mahkamah. Tinjauan kepada peruntukan undang-undang dan kes-kes yang diputuskan

sama ada semasa Akta Mahkamah Juvana 1947 berkuat kuasa atau melalui Akta Kanak-Kanak 2001, dapat dilihat gambaran yang jelas berkenaan isu ini. Sebagai contohnya, seksyen 4 Akta Mahkamah Juvana 1947 menyatakan bahawa Mahkamah Juvana terdiri daripada majistret dan hendaklah dibantu oleh dua orang penasihat mahkamah. Begitu juga dengan Pekeliling Pendaftar yang memperuntukkan Mahkamah Juvana terdiri daripada Presiden Mahkamah Sesyen dan dua orang penasihat (Pekeliling Pendaftar No 12/49). Kes-kes yang diputuskan semasa Akta Mahkamah Juvana 1947 berkuat kuasa juga adalah jelas keputusannya iaitu Mahkamah Juvana hanya akan terbentuk secara sah (*legally constituted*) dengan kehadiran penasihat mahkamah. Ini dapat dilihat apabila Hakim Briggs dalam kes *Public Prosecutor v Ayasamy* [1955] 1 MLJ 64, di muka surat 65 menyatakan bahawa:

I am of opinion, therefore, that it is not competent in law for a President to sit as a Juvenile Court for purposes of conducting a trial, unless he has the assistance of two advisers throughout the proceedings. It may be possible for him to make interim orders and to perform certain other functions in the absence of advisers, but I think the advisers are an essential element of a Juvenile Court conducting a trial, and that their absence, or the absence of one of them, renders the proceedings unlawful and abortive.

Pendapat ini turut disokong oleh Hakim Wan Yahya dalam kes *Public Prosecutor v Mohamed Zairi Bin Abu Bakar & Anor* [1986] 2 MLJ 308, yang juga berpendapat bahawa majistret yang bersidang bersendirian tidak memenuhi keperluan seksyen 4 Akta Mahkamah Juvana 1947 untuk membentuk (*constituted*) Mahkamah Juvana. Manakala dalam kes *Pendakwa Raya v Mohd Zairul Iman Zainon* [2014] 1 LNS 610, Pesuruhjaya Kehakiman Mohd Zaki Abdul Wahab memutuskan bahawa seksyen 11 Akta Kanak-Kanak 2001 menghendaki perbicaraan dijalankan dengan kehadiran dua orang penasihat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Mahkamah berpendapat peruntukan berkenaan merupakan satu peruntukan mandatori yang mesti dipatuhi apabila seseorang kanak-kanak dituduh dan dibicarakan di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Justeru, mahkamah memutuskan bahawa perbicaraan bagi Mahkamah Bagi Kanak-Kanak yang tidak mematuhi prosedur ini adalah satu prosiding yang tidak sah. Menurut mahkamah lagi, penasihat mahkamah mesti hadir sepanjang perbicaraan untuk mengetahui fakta yang berkaitan dengan pertuduhan yang dikenakan terhadap kanak-kanak tersebut untuk membolehkan mereka memberi nasihat yang bersesuaian kepada majistret. Pada masa yang sama, mahkamah juga berpendapat kehadiran penasihat mahkamah di sepanjang perbicaraan juga akan membolehkan mereka memberi nasihat yang tepat dan berguna kepada ibu bapa kanak-kanak jika diperlukan.

KUASA BUDI BICARA MAHKAMAH BAGI KANAK-KANAK UNTUK MENGHENDAKI KEHADIRAN PENASIHAT

Mahkamah dalam Kes *MAHR* menyatakan seksyen 11(2) Akta Kanak-Kanak 2001 ada memperuntukkan bahawa, “mengikut kehendak keadaan, hendaklah dibantu oleh dua orang penasihat”. Mahkamah berpendapat frasa tersebut memberi budi bicara dalam keadaan tertentu Mahkamah Bagi Kanak-Kanak boleh bersidang tanpa kehadiran dua (2) orang penasihat. Dalam hal ini, sekiranya rujukan dibuat kepada seksyen 4 Akta Mahkamah Juvana 1947, maka didapati peruntukannya tidak menyatakan keadaan yang mana penasihat mahkamah tidak perlu hadir. Sebaliknya, seksyen 11(2) Akta Kanak-Kanak 2001 dengan jelas menyatakan keadaan di mana kehadiran penasihat mahkamah tidak diperlukan. Ini jelas menunjukkan perbezaan yang ketara antara Akta Mahkamah Juvana 1947 dan Akta Kanak-Kanak 2001 berkenaan kehadiran penasihat mahkamah dalam prosiding Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Dalam konteks ini, Akta Kanak-

Kanak 2001 telah menerangkan dengan jelas kes-kes yang memerlukan kehadiran penasihat mahkamah. Jadual 1 di bawah menerangkan dengan lebih terperinci keadaan-keadaan yang mana kehadiran penasihat mahkamah tidak diperlukan.

JADUAL 1. Situasi terkecuali yang memerlukan kehadiran penasihat mahkamah (seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 11(2) Akta Kanak-Kanak 2001)

Situasi terkecuali yang memerlukan kehadiran penasihat mahkamah (seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 11(2) Akta Kanak-Kanak 2001)	Seksyen	Huraian
1. Seksyen 39(4) - Memindahkan kanak-kanak ke tempat perlindungan	(4) Jika Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu berpuas hati bahawa kanak-kanak yang dibawa ke hadapannya memerlukan perlindungan dan pemulihan, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu boleh memerintahkan supaya kanak-kanak itu diletakkan di suatu tempat perlindungan sehingga suatu perintah dibuat oleh Mahkamah di bawah seksyen 40.	▪ Perintah itu dibuat untuk kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan segera. ▪ Mahkamah Bagi Kanak-Kanak boleh memerintahkan seorang kanak-kanak ditempatkan di tempat perlindungan sementara menunggu perintah di bawah seksyen 40 Akta yang sama. ▪ Dalam tempoh satu bulan Mahkamah membuat perintah di bawah seksyen 39(4), seorang Pelindung perlu mengemukakan laporan siasatan kanak-kanak itu untuk Mahkamah mempertimbangkan tempat untuk kanak-kanak itu ditempatkan. (seksyen 39A dan 40 Akta yang sama).
2. Seksyen 42(4)	Dipotong oleh Akta A1511	-
3. Seksyen 84(3) - Jaminan	(3) Mahkamah Bagi Kanak-Kanak yang ke hadapannya seseorang kanak-kanak dibawa hendaklah menyiasat kes itu dan melainkan jika- (a) pertuduhan itu ialah pertuduhan membunuh atau jenayah berat yang lain; (b) perlu demi kepentingan kanak-kanak yang ditangkap itu dia diasingkan daripada bergaul dengan mana-mana orang yang tidak diingini; atau (c) Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu ada sebab untuk mempercayai bahawa pelepasan kanak-kanak itu akan mengecewakan matlamat keadilan, maka Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu hendaklah melepaskan kanak-kanak itu dengan suatu bon, yang disempurnakan oleh ibu, atau bapa atau penjaganya atau orang lain yang bertanggungjawab dengan atau tanpa penjamin, bagi suatu jumlah yang pada pendapat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu akan memastikan kehadiran kanak-kanak itu apabila pertuduhan itu didengar.	▪ Perintah itu dibuat untuk kanak-kanak yang telah ditangkap dengan atau tanpa waran. ▪ Mahkamah boleh membebaskan kanak-kanak dengan ikat jamin sementara menunggu perbicaraan kecuali dalam tiga keadaan yang dinyatakan di bawah seksyen yang sama: (1) pertuduhan membunuh atau jenayah berat lain, (2) adalah perlu untuk menyingkirkannya daripada pergaulan dengan mana-mana orang yang tidak diingini, atau (3) pembebasan kanak-kanak itu akan menggagalkan tujuan keadilan.

4. Seksyen 86(1) - Penjagaan kanak-kanak yang tidak dilepaskan atas jaminan selepas ditangkap

(1) Jika seseorang kanak-kanak selepas ditangkap dan semasa menunggu dibicarakan di hadapan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak tidak dilepaskan di bawah seksyen 84, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak yang ke hadapannya kanak-kanak itu dibawa hendaklah menyebabkan dia ditahan di suatu tempat tahanan yang diadakan di bawah Akta ini sehingga dia boleh dibawa ke hadapan Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa melainkan jika Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu memperakui bahawa-

(a) penahanan sedemikian tidak dapat dilaksanakan;

(b) dia berkelakuan sebegitu tidak terkawal atau buruk sehingga dia tidak dapat ditahan sedemikian dengan selamat; atau

(c) oleh sebab keadaan kesihatannya atau keadaan mental atau tubuhnya tidaklah bijak dia ditahan sedemikian.

▪ Ia berkait dengan seksyen 84 Akta yang sama.

▪ Perintah itu dibuat untuk kanak-kanak yang sedang menunggu perbicaraan selepas mereka ditangkap dan tidak dilepaskan dengan ikat jamin.

▪ Bagi kanak-kanak yang ditangkap dan tidak dilepaskan dengan jaminan (di bawah seksyen 84), majistret boleh memerintahkan dia ditahan sementara waktu di tempat tahanan yang diperuntukkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 sementara menunggu perbicaraan kecuali dalam tiga keadaan yang dinyatakan di bawah seksyen ini.

▪ Jika kanak-kanak itu termasuk dalam pengecualian tersebut, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak boleh menahannya seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 86(2) sama ada:

- (i) di balai polis, bilik kurungan polis atau lokap polis, berasingan atau terpisah daripada pesalah-pesalah dewasa; atau
- (ii) di hospital mental.

Sumber: Penulis

Berdasarkan kepada Jadual 1, kehadiran penasihat mahkamah di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak adalah perlu sepanjang prosiding kes kanak-kanak berjalan kecuali dalam empat situasi seperti mana yang dinyatakan dalam seksyen 11(2) Akta Kanak-Kanak 2001. Pada masa yang sama, kaedah pentafsiran statut juga menggariskan keadaan-keadaan yang menjustifikasikan pemakaian kaedah tujuan (*purposive rule*) dalam mentafsirkan peruntukan undang-undang. Pada amnya, kaedah literal digunakan jika perkataan dalam akta itu tidak mempunyai kekaburan dan jelas pada zahirnya, perkataan tersebut harus ditafsir mengikut makna biasa mereka. Namun kaedah tujuan ini diperkenalkan yang mana tafsiran dibuat berasaskan objektif undang-undang yang digubal. Menerusi kaedah ini, hakim akan mentafsirkan undang-undang dengan melihat niat atau tujuan perundangan tersebut (Noor 'Ashikin binti Hamid dan Rusniah Ahmad, 2012). Justeru itu, perkataan “mengikut kehendak keadaan, hendaklah dibantu oleh dua orang penasihat” tidak bermaksud memberi budi bicara kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak untuk bersidang tanpa kehadiran penasihat mahkamah. Ini kerana seksyen 11(2) Akta Kanak-Kanak 2001 dengan jelas memperuntukkan keadaan di mana kehadiran penasihat mahkamah tidak diperlukan.

Menyedari hakikat bahawa berdasarkan perbincangan yang dibuat terdapat isu berkenaan tafsiran peruntukan berkaitan dengan kehadiran penasihat mahkamah, maka dicadangkan pindaan dilakukan kepada seksyen 11 Akta Kanak-Kanak 2001. Pindaan ini penting bagi memastikan peruntukan yang berkaitan lebih jelas, sebagaimana dalam undang-undang yang berkenaan di Singapura dan India. Di Singapura, mahkamah boleh membuat keputusan sama ada untuk bersidang dengan atau tanpa kehadiran penasihat mahkamah, manakala di India, kehadiran sekurang-kurangnya dua orang ahli termasuklah *Principal Magistrate* dalam *Juvenile Justice Board* diperlukan dalam kes berkaitan dengan kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang.

KESIMPULAN

Menentukan perintah yang bersesuaian dalam kes-kes yang melibatkan pesalah kanak-kanak bukanlah sesuatu yang mudah. Mahkamah Bagi Kanak-Kanak hendaklah mengambil kira pelbagai aspek sebelum membuat sebarang perintah. Mendapatkan nasihat daripada penasihat mahkamah merupakan satu perkara yang amat penting. Kehadiran penasihat mahkamah hanya setelah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak membuat dapatan salah tidak dapat memanfaatkan sepenuhnya peranan mereka sebagaimana yang dihasratkan oleh pihak penggubal undang-undang. Hakim Zawawi Salleh dalam kes *Pendakwa Raya Iwn Muhamad Abdul Rahim Adnan & Satu Lagi* [2008] 7 MLJ 883 di muka surat 893-894 ada menyatakan:

Adalah diakui bahawa penentuan hukuman yang sesuai dalam sesuatu kes jenayah terutama kes-kes yang melibatkan "kanak-kanak", adalah merupakan suatu pelaksanaan budi bicara yang sukar oleh pihak mahkamah atas pelbagai sebab.....

Ketiga, tujuan yang hendak dicapai oleh penghukuman itu sendiri pun tidak dapat disepakati oleh semua pihak yang terlibat dengan pentadbiran keadilan jenayah. Oleh itu, dalam mempertimbangkan hukuman yang sesuai untuk kes-kes jenayah, kadangkala berlaku "conflict of attitude" antara mahkamah dengan pihak pendakwaan, pihak pembelaan, pegawai akhlak, ahli psikologi dan pihak-pihak lain.

Justeru itu, peranan pegawai akhlak dalam menyediakan laporan yang lengkap serta nasihat termaklum (*informed advice*) daripada penasihat mahkamah dapat membantu mahkamah untuk mengeluarkan perintah yang bersesuaian. Nasihat daripada penasihat mahkamah juga memberikan perspektif tambahan kepada mahkamah dan membantu majistret untuk membuat keputusan yang mencerminkan kepentingan terbaik untuk pesalah kanak-kanak berkenaan. Ini termasuklah analisis daripada pelbagai faktor seperti kesihatan mental, situasi sosial, sejarah peribadi dan latar belakang keluarga yang dapat mempengaruhi jenis perintah yang akan dibuat. Oleh yang demikian, dengan kerjasama antara pegawai akhlak dan penasihat mahkamah, maka mahkamah dapat mengeluarkan keputusan yang lebih seimbang dan selaras dengan prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak dengan menumpukan kepada kesejahteraan, perkembangan dan hak pesalah kanak-kanak berkenaan. Ini dapat memastikan keadilan dapat ditegakkan seterusnya memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat. Ini juga dapat meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap sistem perundangan dan menunjukkan bahawa setiap kes ditangani dengan teliti. Akhir sekali, konsep kepentingan awam dan juga kepentingan terbaik kanak-kanak akan dapat diseimbangkan bagi tujuan keadilan.

PENGHARGAAN

Penghargaan ini ditujukan kepada semua penulis artikel ini yang berusaha gigih bagi menghasilkan artikel yang dapat menyumbangkan kepada pembangunan kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang. Pada masa yang sama, penghargaan ini ditujukan kepada Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya di atas sokongan dalam penghasilan artikel ini.

RUJUKAN

- Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611)
Akta Mahkamah Juvana 1947 (Akta 90) – Telah dimansuhkan
Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 (Akta 468) – Telah dimansuhkan
Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 (Akta 106) – Telah dimansuhkan
Bernama. (2023). 27.4 peratus penduduk Malaysia kanak-kanak, remaja bawah 18 tahun. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/274-peratus-penduduk-malaysia-kanakkanak-remaja-bawah-18-tahun-444233> (Akses pada 23 Mei 2024)
Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
Chong, P. K. (2003). Reform of juvenile criminal justice: A special focus on the effectiveness of correctional treatment in approved schools. Masters diss., Universiti Malaya.
Chong Tien Lek v Public Prosecutor [2018] MLJU 88.
Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). The selection of a research approach. In *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed., p. 40). Sage Publications.
Farah Nini Dusuki (2007). *Perkembangan Mahkamah bagi Kanak-Kanak di Malaysia*. In F. S. Shuaib et al. (Eds.), *Siri perkembangan undang-undang di Malaysia: Pentadbiran keadilan artikel terpilih* (Vol. 3, p. 128). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
<https://doi.org/10.21315/km2024.42.1.10>
https://intranet.kehakiman.gov.my/EAA/arahanamalan/Registrar%27s%20Circular%20No%2012_1949_Juvenile%20Court%20Ordinance%201947.pdf
<https://www.unicef.org/child-rights-convention/history-child-rights>
Intan Noraini Haji Zainol et.al. (2024). Sistem keadilan juvana di Malaysia: Empat prospek penambahbaikan. *Kajian Malaysia*, 42(1), 209–239.
Konvensyen Hak Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
KN (a child) & Anor v Public Prosecutor [2021] MLJU 2145
Lee, B. P., & Rasiah, R. (2014). Juvenile and youth crime in Malaysia. *Journal of Public Security and Safety*, 2(2), 31–48.
Noor ‘Ashikin binti Hamid dan Rusniah Ahmad (2012). Judicial interpretation: A conceptual analysis. *Proceedings of the International Conference on Public Policy and Social Science, UiTM Melaka, Malaysia, November 2012*. ISBN 978-967-11354-5-7.
Nor Afizal bin Azizan v Public Prosecutor [2012] 6 MLJ 171.
Norazla Abdul Wahab, et al. (2020). Perlindungan terhadap kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang: Kajian terhadap peranan penasihat mahkamah bagi kanak-kanak. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)*, dalam talian, 24 & 25 November 2020. e-ISBN: 978-967-2122-90-6.
Norazla Abdul Wahab, F., Abdul Ghadas, Z., & Ismail, R. (2021). Kedudukan dan peranan penasihat mahkamah bagi kanak-kanak dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak di Malaysia: Isu dan cabaran. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(24), 84–103.
Norbani Mohamed Nazeri. (2007, May 24–25). *Welfare: The key to juvenile justice in Malaysia?* The 4th Asian Law Institute Conference, Depok, Indonesia.

- Nur Ezaitie Nabihah Md Eusofe, et. al. (2023). Role and functions of the court advisers of the Court for Children in Malaysia: Lessons learnt from selected jurisdictions. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 17, 96–118.
- Pendakwa Raya v MAHR dan satu lagi* [2023] MLJU 3019.
- Pendakwa Raya v MFM dan lain-lain* [2023] MLJU 1661.
- Pendakwa Raya v Muhamad Fikri bin Mahmood* [2018] MLJU 578.
- Pendakwa Raya lwn Muhamad Abdul Rahim Adnan & Satu Lagi* [2008] 7 MLJ 883
- Pendakwa Raya v Mohd Zairul Iman Zainon* [2014] 1 LNS 610.
- Public Prosecutor v Ayasamy* [1955] 1 MLJ 64.
- Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256
- Public Prosecutor v SAK (the child)* [2021] MLJU 1707
- R v James Henry Sargeant* [1974] 60 Cr. App. R. 74.
- Re A Juvenile* [1990] 3 MLJ 117.
- Saibaba, A. (2012). Juvenile justice: Critically juxtaposing the models in India and Singapore (Working Paper Series No. 028). Asia Law Institute.
- Samuri, Mohd Al Adib et al. (2013). The rehabilitation theory in adjudicating child offenders and its application in Malaysia. *Asian Social Science*, 9(15), 156–165.
<https://doi.org/10.5539/ass.v9n15p156>
- Registrar of the Court. (1949). *Registrar's Circular No. 12/1949: Juvenile Court Ordinance 1947*. Kehakiman Malaysia.
- UNICEF. (n.d.). *History of child rights*. UNICEF.

Jal Zabdi Mohd Yusoff (Corresponding author)
Faculty of Law
Universiti Malaya, Malaysia
Email: jalzabdi@um.edu.my

Nur Ezaitie Nabihah Mohd Eusofe
Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Malaysia
Email: ezaitienabihah@unisza.edu.my

Zulazhar Tahir
Faculty of Law
Universiti Malaya, Malaysia
Email: zulazhar@um.edu.my

Siti Zaharah Jamaluddin
Penyelidik bebas, Malaysia
Email: sz12789@gmail.com